

30 JUN 2001

Najib-Arroyo

ARROYO AKAN LAWAT MALAYSIA

MANILA, 30 Jun (Bernama) -- Presiden Filipina Gloria Arroyo berkata beliau telah memilih Malaysia sebagai negara Asean pertama yang beliau akan melakukan lawatan rasmi tahun ini.

Beliau membuat pengumuman itu semasa dikunjungi oleh Menteri Pertahanan Malaysia Datuk Seri Najib Tun Razak di Istana Malacanang hari ini. Najib kini dalam lawatan rasmi ke Filipina.

Satu kenyataan rasmi, bagaimanapun, menyatakan Arroyo belum menetapkan tarikh bagi lawatannya ke Malaysia.

Dalam rundingan dengan Najib, Arroyo meminta Najib menyampaikan penghargaan Manila kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana menyokong rundingan Manila dengan para pejuang Moro.

Kuala Lumpur baru-baru ini menganjurkan rundingan itu yang berhasil menyambung rundingan damai antara Manila dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF).

Dalam kunjungan itu, Najib diiringi oleh Duta Besar Malaysia Mohd Arsad Manzour Hussain dan para pegawai kanan tentera Malaysia.

Beliau mengetuai delegasi bagi rundingan dengan para pegawai keselamatan Filipina bagi memperkukuhkan kerjasama dua hala dalam bidang pertahanan dan keselamatan.

Dalam rundingan dengan Arroyo, Najib mengecam aktiviti jenayah yang dilakukan oleh kumpulan Abu Sayyaf sambil berkata kumpulan itu telah mencemarkan imej Islam.

Para pejuang Moro telah menahan 23 orang, tiga daripadanya rakyat Amerika, di Basilan. Mereka juga menculik 21 orang, kebanyakannya pelancong asing dari pulau Sipadan tahun lalu.

Arroyo berkata kerajaannya berazam untuk menangani masalah Abu Sayyaf secepat mungkin.

Najib mengulangi komitmen Malaysia untuk meningkatkan pertukaran maklumat mengenai masalah berkaitan sempadan laut antara kedua-dua negara anggota Asean itu.

-- BERNAMA

ALJ RV FAZ